



PNB

Perbadanan Nasional Berhad

40

YEARS OF
NATION BUILDING

**PM rai 40 tahun
kejayaan PNB**

Ms.4

PNB upaya urus aset RM279b

➔ **Bukti kejayaan DEB agih kekayaan kepada rakyat**

Oleh Hazwan Faisal Mohamad dan Hidir Reduan
bhnews@bh.com.my

▀ **Kuala Lumpur**

Keupayaan Permodalan Nasional Bhd (PNB) menguruskan aset berjumlah RM279 bilion adalah bukti kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam mengagihkan kekayaan dalam kalangan rakyat, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata,

pencapaian syarikat pelaburan negara itu mencerminkan kejayaan DEB dalam pengagihan kekayaan di negara ini menjadi lebih adil dan saksama.

“Kejayaan PNB ini adalah kejayaan dasar kerajaan untuk memastikan (pengagihan kekayaan) dalam masyarakat lebih adil dan saksama, sekali gus mendorong kepada perpaduan masyarakat yang lebih kukuh.

“Satu daripada unsur perpaduan adalah apabila setiap rakyat berasa mempunyai pemilikan adil dan saksama dengan tiada golongan terpinggir.

“Ini kita dapat lakukan di Malaysia dan penyertaan Bumiputera dalam bidang korporat ketika ini sudah melebihi 23 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis sambutan ulang tahun ke-40 PNB dan pelancaran logo baharunya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan Pengerusi PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar.

Usaha kembangkan kek ekonomi

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa berusaha mengembangkan kek ekonomi untuk dinikmati setiap rakyat.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, pengurusan aset PNB kini mencapai RM279 bilion manakala keupayaannya membayar dividen adalah baik.

“(Tahun lalu) PNB membayar dividen dan bonus RM14.38 bilion,” katanya sambil disambut tepukan gemuruh lebih 1,000 kakitangan PNB pada majlis itu.

Sejak 1981, katanya, PNB membayar dividen dan bonus berjumlah lebih RM171 bilion.

Perdana Menteri berkata, PNB berjaya meningkatkan status sosioekonomi rakyat terutama Bumiputera.

Beliau turut memuji Pelan Strategik 6-Tahun atau STRIVE-15 PNB, yang meletak sasaran menjadi syarikat pelaburan berkelas dunia dengan matlamat menguruskan aset berjumlah RM350 bilion pada 2022.

Pada majlis sama, Najib yang juga Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera turut mengumumkan pemberian sagu hati RM2,000 kepada lebih 1,500 kakitangan sempena sambutan ulang tahun ke-40 PNB.

Pembayaran sagu hati itu akan dibuat Mei ini sebagai menghargai kakitangan PNB yang menjadi tulang belakang kepada institusi itu sehingga menjadi antara syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) terbesar negara.